

05/08/2001

Suhakam bebas beri cadangan: Mahathir

PERDANA Menteri berkata Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) bebas memberi cadangan, tetapi tidak bermakna kerajaan akur dengannya.

"Suhakam hanya kumpulan kecil, tapi majoriti kepentingan orang ramai harus diutamakan," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya tindakan pihak berkuasa yang mengawal ketat pemberian sebarang permit perhimpunan, beliau berkata Malaysia sebenarnya lebih bebas berbanding negara lain, termasuk negara membangun.

"Kita di sini agak bebas, (ahli) Pas dan DAP berteriak di Parlimen, kalau di negara lain mungkin ditangkap," katanya selepas merasmikan Persidangan Agung Tahunan Ke-48 MCA di Wisma MCA di sini semalam.

Beliau juga membidas Suhakam yang tidak menunjukkan minat untuk memelihara keselamatan negara.

Perdana Menteri berkata, cadangan Suhakam supaya kerajaan meminda peraturan berhubung perhimpunan awam bagi mengurang sekatan, seolah-olah badan itu mahu meletakkan standard mereka sendiri.

"Mereka seolah-olah mahu wujudkan standard mereka sendiri. Mereka tidak berminat dalam keselamatan negara. Mereka fikir mereka hanya berminat untuk menunjukkan Suhakam bahawa mereka boleh mempengaruhi orang lain mengenai polisi mereka dalam situasi begini," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan Suhakam setebal 32 muka surat bertajuk 'Freedom of Assembly' (Kebebasan Berhimpun) supaya Akta Polis dan Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 dipinda semula.

(END)